

# AUROCEF CAPSULES

Cefalexin (250mg, 500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Aurocef
2. Bagaimana Aurocef berfungsi
3. Sebelum menggunakan Aurocef
4. Cara menggunakan Aurocef
5. Semasa menggunakan Aurocef
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Aurocef
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Aurocef

Aurocef Capsules digunakan untuk merawat jangkitan berikut yang disebabkan oleh bakteria:

- Jangkitan saluran pernafasan (paru-paru dan saluran pernafasan)
- Jangkitan bahagian tengah telinga (otitis media)
- Jangkitan kulit dan tisu lembut
- Jangkitan tulang dan sendi
- Jangkitan organ-organ pembiakan dan saluran kencing, termasuk keradangan kelenjar prostat (Prostat)
- Jangkitan gigi.

## Bagaimana Aurocef berfungsi

Aurocef Capsules mengandungi cefalexin sebagai bahan aktif, yang termasuk dalam kelas antibiotik yang dikenali sebagai cephalosporins.

## Sebelum menggunakan Aurocef

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Aurocef Capsules jika anda:

- ada alahan (hipersensitif) terhadap cefalexin, cephalosporins lain (antibiotik yang serupa) atau kumpulan antibiotik penisilin, atau mana-mana bahan-bahan dalam produk.

## - Sebelum menggunakan Aurocef

Hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda mempunyai intoleransi kepada sesetengah jenis gula.

## Mengandung dan menyusukan anak

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil atau menyusukan bayi. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat jika anda hamil atau merancang untuk hamil.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika baru-baru ini anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi. Khususnya, beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana daripada yang berikut:

- probenecid untuk rawatan gout
- metformin untuk rawatan penyakit kencing manis
- ubat yang digunakan untuk merawat leukemia

## Cara menggunakan Aurocef

### - Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan beritahu berapa banyak dan berapa kerap anda harus menggunakan ubat ini. Ini bergantung kepada jenis jangkitan yang dialami. Dos adalah berbeza antara individu.

*Dewasa:* Banyak jangkitan di kalangan orang dewasa akan bertindak balas terhadap dos oral 1g sehingga 2 g setiap hari dalam dos yang dibahagikan; Walau bagaimanapun, bagi kebanyakan jangkitan, skim mudah berikut didapati memuaskan:

*Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun:*

500mg setiap 8 jam.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda apa yang perlu anda lakukan sekiranya anda terlupa untuk menggunakannya.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk anda dos seterusnya, tunggu sehingga masa untuk mengambilnya dan ambil dos yang tertinggal. Jangan mengambil dos yang berganda untuk dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan rasa loya, muntah-muntah, sakit perut, kemunculan darah dalam air kencing.

## Semasa menggunakan Aurocef

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Aurocef.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil apa-apa ubat-ubatan baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Aurocef kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beri perhatian terhadap pengambilan Aurocef Capsules jika anda:

- ada mempunyai reaksi alahan kepada aurocef, cephalosporins, penisilin atau ubat-ubatan lain pada masa lalu
- mempunyai masalah buah pinggang yang teruk (anda mungkin memerlukan dos yang dikurangkan)
- mengalami cirit- birit. Ini boleh menjadi simptom keradangan usus besar.
- simptom lain termasuk sakit dan demam.

Beritahu doktor anda jika anda menjalani ujian darah dan kencing. Aurocef

Capsules boleh mengganggu ujian ini.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, Aurocef boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini sebagai simptom yang boleh memudaratkan.

- cirit-birit
- hipersensitiviti: tindakbalas alahan telah diperhatikan dalam bentuk ruam, benjolan merah pada kulit (urtikaria), bengkak, dan, dengan jarang: kulit kemerahan, kulit melepuh dan sakit.
- kerosakan pada hati atau buah pinggang anda yang boleh dikesan oleh darah dan / atau ujian air kencing anda
- rasa keliru atau gelisah, melihat atau mendengar perkara-perkara yang

tidak ada (halusinasi), kegelisahan melampau

- pening, keletihan, sakit kepala.
- gatal pada sekitar dubur atau alat kelamin, keradangan faraj, rembesan dari faraj yang disebabkan oleh seriawan (kandidiasis)
- sukar menggerakkan sendi, sakit sendi dan penyakit sendi
- sistem darah dan imun: peningkatan atau penurunan bilangan beberapa jenis sel darah putih, kadar platlet rendah dan kadar pemecahan sel darah merah yang tidak normal pernah dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

**Cara penyimpanan dan Pelupusan Aurocef**

- Penyimpanan

Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan simpan melebihi 30 °C.

Simpan di tempat yang kering.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

*Aurocef 250 mg:*

Biru gelap legap / putih saiz "2" kapsul gelatin keras yang penuh dengan serbuk putih berbutir dan dicetak dengan "A75" pada *Cap* biru gelap legap dan "250 mg" pada badan yang putih dengan dakwat hitam.

*Aurocef 500 mg:*

Biru gelap legap/ biru muda saiz "0" kapsul gelatin keras yang penuh dengan serbuk putih berbutir dan dicetak dengan "A76" pada *Cap* biru gelap legap dan "500 mg" pada legap biru muda dengan dakwat hitam.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Aurocef bersamaan dengan Cephalexin 250mg atau 500mg.
- Bahan-bahan tidak aktif  
Selulosa, Microcrystalline, Sodium Croscarmellose, Magnesium Stearate.

- MAL number(s):

*Aurocef 250 mg:*  
MAL08111786AZ

*Aurocef 500 mg:*  
MAL08111788AZ

**Pengilang**

AUROBINDO PHARMA LIMITED  
(Unit- VI),  
Survey: No. 329/ 39 & 329/ 47  
Chitkul village, Patancheru Mandal.  
Medak District, Andhra Pradesh  
India

**Pemegang Pendaftaran Produk**

UNIMED SDN BHD  
No.53 Jalan Tembaga SD 5/2B,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
19/05/2018

**Serial number:**  
NPRAR4/1110418/00105